

9 JAN 1996

Muhyiddin-UMNO

MUHYIDDIN AKAN PERTAHAN JAWATAN NAIB PRESIDEN UMNO

PULAU PINANG, 9 Jan (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengumumkan hasratnya untuk mempertahankan jawatan Naib Presiden UMNO pada perhimpunan agung parti itu yang dijadual hujung tahun ini.

"Saya masih berhasrat untuk berkhidmat dalam kedudukan itu dan berharap anggota parti membantu dan menyokong saya," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Belia Masjid Nasional di sini hari ini.

Dua lagi naib presiden -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhamad Taib -- telahpun mengumumkan keputusan masing-masing untuk turut mempertahankan jawatan itu.

Dua lagi tokoh UMNO -- Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib -- juga telah menawarkan diri untuk bertanding merebut jawatan itu.

Pada pemilihan lepas pada 1993, Muhyiddin yang ketika itu Menteri Besar Johor, meraih undi terbanyak diikuti Najib dan Muhammad.

"Saya tidak membuat kenyataan (untuk mempertahankan jawatan Naib Presiden) sebelum ini kerana baru pulang bercuti selain menumpukan tugas sebagai Menteri Belia dan Sukan dan memenuhi kehendak parti dan membantu kepimpinan," kata Muhyiddin.

Menurutnya beliau akan menerima apa jua keputusan anggota perwakilan kerana soal menang atau kalah sudah menjadi adat dalam sesuatu pertandingan.

"Saya masih bertenaga untuk meneruskan tugas ini," katanya.

Berhubung kemenangannya yang lepas kerana kedudukannya sebagai Menteri Besar Johor, beliau menolak andaian bahawa sesiapa yang bertanding atas jawatan rasmi kerajaan akan terpilih kerana itu bergantung kepada kebijaksanaan dan kematangan perwakilan.

"Mereka tahu menilai kepimpinan dan kemungkinan saya terpilih waktu itu atas pertimbangan yang hanya mereka saja yang tahu," katanya.

Muhyiddin juga bersetuju dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti supaya perwakilan hendaklah memilih pemimpin berdasarkan rekod dan keupayaan mereka dan bukan kerana kumpulan tertentu.

Katanya pertandingan bagi jawatan itu kali ini akan meletakkan perwakilan dalam keadaan sukar kerana tokoh-tokoh yang bertanding sudah dikenali. -- BERNAMA